

# Abdullah syor Ekspo OIC diteruskan negara tuan rumah

UM 16 OCT 2003

PUTRAJAYA 15 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyarakankan Ekspo OIC 2003 yang pertama kali diadakan sempena Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu diteruskan oleh negara tuan rumah persidangan selepas ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ekspo seumpama itu adalah pendekatan terbaik bagi negara-negara anggota OIC menjalinkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan lebih praktikal.

“Ekspo ini adalah seumpama ‘satu bazar bergerak’ yang dapat menemukan ahli perniagaan, perbankan, insurans dan pelbagai lagi bagi bertukar-tukar maklumat dan me-

mulakan kerjasama perniagaan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan.

“Ia adalah pendekatan yang cukup praktikal untuk memulakan secara besar-besaran, bersungguhsungguh dan berkesan, muafakat serta kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan perindustrian serta pelaburan bagi anggota OIC,” katanya selepas meluangkan masa kira-kira tiga jam melawat ekspo berkenaan di sini hari ini.

Abdullah melawat hampir keseluruhan ruang pameran 600 syarikat daripada 27 negara OIC dan bukan anggota yang menyertai pameran itu.

Ekspo itu diadakan di

kawasan seluas 26,976 meter persegi di Presint 5 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Ekspo, Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal dan Pengarah Eksekutif FR Exhibition and Conference Sdn Bhd., Datuk Rosle Jaamat.

Ekspo berkenaan yang mendapat anugerah Malaysia Book of Records sebagai ekspo terbesar yang pernah diadakan di negara ini, dibuka kepada orang ramai sehingga Ahad ini.

Kalangan ahli perniagaan dari negara-negara Arab yang menyertai ekspo itu menyifatkan usaha sektor swasta Malaysia

menganjurkan ekspo tersebut sebagai langkah terbaik untuk mempromosi produk negara-negara Islam ke seluruh dunia.

Sementara itu, Abdullah berkata, Malaysia perlu memulakan usaha penggunaan dinar emas dalam urusan perdagangan dengan mana-mana negara yang berminat.

Beliau berkata, walaupun usaha itu adalah kecil namun ia perlu dimulakan tanpa perlu menunggu penglibatan negara lain dalam jumlah yang besar.

“Mesti ada usaha awal walau kecil, kita tidak perlu tunggu rancangan yang sempurna tetapi kita kena bermula dari bawah,” katanya.